[2] Dalam membuat kesimpulan ini, kes otoriti yang dirujuk oleh pegumbela plaintif iaitu kes *Co-operative Central Bank Bhd lwn. Syarikat Bukit, Tinggi & 18 Ors.* [1991] 1 CLJ 590 tidak di ikuti kerana di dapati penghakiman dalam kes itu adalah *per incuriam*.

Hakim bijaksana kes *Syarikat Bukit Tinggi* telah memutuskan bahawa keputusan dalam kes *Che Wan Development Sdn. Bhd. lwn Co-operative Central Bank* [1990] 2 MLJ 365 adalah *per incuriam* kerana antara lain kesan s. 133 (5) tidak dibawa ke perhatian hakim yang bijaksana dalam kes itu. Akan tetapi dalam menelitikan keputusan Hakim yang bijaksana itu, isu telah disentuh dengan panjang lebar oleh hakim yang arif. Dengan itu, adalah didapati kes *Che Wan* adalah betul dan *Syarikat Bukit Tinggi per incuriam*.

[3] Dalam pada itu defendan tidak mempunyai kuasa untuk mewujudkan gadaian-gadaian itu dan gadaian-gadaian tersebut adalah *ultra-vires* dan tidak sah. Remedi pemberi pinjaman atau si plaintif adalah melalui s. 13 Akta Syarikat, iaitu mendapatkan semula pinjaman daripada si peminjam sendiri.

[4] Defendan berhak dikembalikan dengan suratcara hakmilik yang kini dengan plaintif tanpa apa-apa bebanan ke atas hakmilik tersebut. Si plaintif diperintahkan memulangkan kesemua dokumen hakmilik bersama-sama dengan gadaian-gadaian pendua kepada defendan untuk pembatalan gadaian. Pendaftar Hakmilik di Seremban diperintahkan membatalkan pendaftaran gadaian dan selepas di batalkan segala dokumen perlu diserahkan kepada peguamcara defendan.

[Permohonan defendan dibenarkan.Perintah-perintah seperti di atas. Kos permohonan untuk ditaksirkan dan untuk dibayar oleh Penerima-penerima kepada defendan daripada aset plaintif].

Kes-kes yang dirujuk:

Co-operative Central Bank Bhd. lwn. Syarikat Bukit Tinggi & 18 Ors. [1991] 1 CLJ 590 ***(tidak diikuti)***

Che Wan Development Sdn. Bhd. lwn. Co-operative Central Bank [1990] 2 CLJ 35 / [1990] 2 MLJ 365 ***(diikuti)***

DJE Constructions lwn. Maddocks [1981 [1982] 6 ACLR 171, 174 ***(dirujuk)***

Corumo Holdings Pty. Ltd. & Ors. lwn. C. Ito Ltd. & Ors. [1991] 3 ACSR, 438 ***(dirujuk)***

Lim Kar Bee lwn. Duofortis Properties (M) Sdn. Bhd. [1992] 3 CLJ 1667 / [1992] 2 MLJ 281 ***(dirujuk)***

Chung Khiaw Bank Bhd. lwn Hotel Rasa Sayang Sdn. Bhd. & Anor. [1990] 1 CLJ 675 / [1990] 1 SCR 181 ***(dirujuk)***

R & I Securities Sdn. Bhd.lwn. Syarikat Tanaman Perusahaan Perak Sdn. Bhd. [1993] 1 CLJ 337 ***(dirujuk)***

Chase Manhattan Bank N.A. lwn. Mercantile Co-operative Thrift & Loan Society Ltd. [1992] 3 CLJ 1346 / [1993] 1 SCR 210 ***(dirujuk)***

Wong Pot Heng v. Kerajaan Malaysia[1992] 3 CLJ 1497 / [1992] 2 MLJ 885 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 Peraturan Baru 9B

Akta Kontrak 1950, ss. 24(a), (b), (e), 65 & 66

Akta Syarikat 1965, ss. 67, 131, 132 & 133, 133(5)

Akta Undang-undang Sivil 1956, s. 3

Co-operative Central Societies Act 1948, ss. 57, 90

Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 4 k. 1(2)

Kanun Tanah Negara 1965, ss. 242, 241(3) (a), 256(3)

Ordinan Kontrak (Negeri-negeri Malayu) 1950, s. 2(g)

Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendeposit)(Pindaan) 1991 Peraturan 9B(6)

Sumber lain yang dirujuk:

Ford, **Company Law** (Edisi Kedua) 1978 m.s. 180

Loans Prohibited under s. 133 of the Companies Act 1965 [1993] 2 CLJ xvii

Bagi pihak plaintif - Gunaseelan, (Alphone bersamanya); T/n. Wan Majid & Mano

Bagi pihak defendan - Hira Singh, (Paneerselvam. bersamanya); T/n. Asbir, Hira Singh & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Melalui perintah Mahkamah bertarikh 5 Mac 1991 Guaman Sivil No. 22-18-91, Saman Pemula No. 31-351-88 dan Saman Pemula No. 31-266-86 telah disatukan dan kerana itu tajuk tindakan-tindakan tersebut telah dipinda menurut A. 4 k. 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Fakta-fakta dan isu yang dipersetujui adalah seperti berikut:

The Co-operative Central Bank Ltd., telah didaftarkan di bawah Co-Operative Societies Act, 1948 (selepas dari ini disebut sebagai "pemberi pinjaman pemegang gadaian") dan Lim Kon Kwee (selepas dari ini disebut sebagai "Peminjam") adalah peminjam, antara lain, kesemua wang yang didapati melalui gadaian terhadap tanah-tanah kepunyaan berdaftar Feyen Development Sdn. Bhd. (selepas dari ini

disebut sebagai "syarikat penggadai") yang dipegang di bawah hakmilik-hakmilik berikut:

(i) Grant No. 16397 Lot No. 12590, Bandar Seremban, Negeri Sembilan, dan
(ii) EMR 655 Lot No.1519, Mukim Ampangan, Daerah Seremban.
(Selepas dari ini disebut sebagai "tanah-tanah tersebut").

Syarikat penggadai adalah syarikat persendirian berhad yang didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat Kuala Lumpur dan bukannya sebuah "private exempt company" di bawah peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965. Semua perundingan dan surat-menyurat mengenai perkara di antara pihak-pihak yang berkenaan adalah di atas dasar *without prejudice*. Lim Kon Kwee si peminjam adalah pada setiap masa material seorang pengarah syarikat penggadai. Pemberi pinjaman pemegang gadaian telah memberikan pinjaman kepada si peminjam sebanyak RM3 juta dan syarikat penggadai telah melaksanakan gadaian terhadap tanah-tanah tersebut dan didaftarkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) dan telah melanggar seksyen 133 Akta Syarikat 1965. Si pemberi pinjaman pemegang gadaian telah memfailkan permohonan bagi perintah jualan di bawah seksyen 256 Kanun Tanah Negara seperti berikut:

(i) Saman Pemula No. 31-266-86 selaras dengan "Charge Presentation No. 8279/83 Jilid 435 Folio 27" terhadap tanah yang dipegang di bawah Grant No. 16397 Lot No. 12590 Bandar Seremban, Negeri Sembilan, dan
(ii) Saman Pemula No. 31-351-88 selaras dengan "Charge Presentation No. 1447/83 Jilid 73 Folio 66" terhadap tanah yang dipegang di bawah EMR 655, Lot No. 1519, (selepas dari ini disebut sebagai "gadaian-gadaian tersebut").

Guaman Sivil No. 22-18-91 telah difailkan oleh syarikat penggadai memohon suatu perisytiharan bahawa gadaian-gadaian tersebut adalah tak sah dan tak boleh dikuatkuasakan dan perintah-perintah berbangkit yang timbul kerana itu hendaklah dibuat.

Isu awal yang tunggal dihadapan Mahkamah ialah untuk menentukan kesan perlanggaran s. 133 Akta Syarikat 1965 dan kerananya keesahan gadaian yang diwujudkan dan membuat perintah-perintah berbangkit yang timbul yang diperlukan.

Dalam kes ini si plaintif, iaitu pemberi pinjaman pemegang gadaian telah memfailkan 2 permohonan bagi mendapatkan perintah jualan melalui pemfailan dua tindakan gadaian iaitu Saman Pemula No. 31-266-86 dan Saman Pemula No. 31-351-88 sementara si defendan iaitu Syarikat penggadai pula memfailkan satu tindakan Sivil No. 22-18-91 memohon perkara-perkara berikut:

(i) Suatu pengisytiharan bahawa gadaian yang memihak siplaintif adalah tak sah dan tak boleh dikuatkuasakan.
(ii) Suatu perintah bahawa pihak-pihak berkuasa yang berkenaan memadamkan memorial gadaian yang terdapat dalam buku daftar dan mengeluarkan dokumen hakmilik kepada si defendan.
(iii) Suatu perintah bahawa si plaintif mengembalikan dengan serta merta dokumen hakmilik tanpa bebanan kepada si defendan.
(iv) Bahawa si plaintif membayar kos litigasi ini kepada si defendan dengan memberikan keutamaan kepada kos si defendan daripada kos penerima.

Di sini sidefendan hendaklah menunjukkan wujudnya sebab-sebab sebaliknya di bawah s. 256 (3) KTN dan di sini sebab tersebut ialah gadaian yang diwujudkan itu adalah terbatal dan tak sah *ab initio* kerana dilarang oleh statut iaitu s. 133 Akta Syarikat 1965 yang berbunyi:

> (1) Syarikat (selain dari syarikat persendirian yang dikecualikan) hendaklah tidak memberi pinjaman kepada pengarah syarikat atau syarikat yang disebabkan oleh s. 6 adalah dianggap berkaitan dengan syarikat tersebut, atau membuat apa-apa gerenti atau menyediakan apa-apa jaminan berhubung dengan pinjaman yang dibuat kepada pengarah tersebut oleh mana-mana orang lain ...

Di dalam ketiga-tiga tindakan yang telah disatukan ini, pihak-pihaknya adalah sama dan pihak-pihak ini telah mengemukakan fakta dan isu yang dipersetujui bertarikh 24 Jun 1993 dan difailkan di Mahkamah. Jadinya dalam kes ini tidaklah perlu mengambil keterangan lisan.

T.Gunaseelan peguambela yang bijaksana bagi pihak plaintif telah bersandarkan kesnya kepada kes *Co-operative Central Bank Bhd. lwn. Syarikat Bukit Tinggi & 18 Ors.* [1991] 1 CLJ 590. (*Syarikat Bukit Tinggi*) dan dengan

rasa hormatnya saya berpendapat bahawa Dato Mohamed Dzaiddin H. (pada ketika itu) dalam kes *Syarikat Bukit Tinggi* tersebut telah memutuskan *per incuriam* perkara-perkara berikut dalam penghakimannya:

(i) Pada halaman 11D kiri, Yang Arif telah berkata:

> I must, with respect, treat the decision in *Che Wan* as *per incuriam* because it was made without the judge's attention being drawn to s. 57 of the Co-operative Societies Act.

Seksyen 57, Akta Pertubuhan Koperasi 1948 berbunyi:

> **Non-application of certain laws.** The provisions of the laws for the time being in force relating to trade unions, associations, societies and companies shall not apply to societies registered under this Act

dan s. 90, Akta Pertubuhan Koperasi 1992 berbunyi,

> The provisions of the laws for the time being in force relating to trade unions, associations, societies and companies shall not apply to societies registered under laws this Act.

Jadinya dapat diperhatikan bahawa seksyen 57 dan seksyen 90 yang tersebut di atas adalah dengan tepatnya in *pari materia*. Jika dilihat secara sepintas lalu maka dapat diperhatikan bahawa Akta Syarikat 1965 tidaklah terpakai ke atas pertubuhan koperasi akan tetapi s. 133 Akta Syarikat 1965 adalah terpakai ke atas syarikat yang mencari perlindungan di bawahnya.

Dato Mohamed Dzaiddin H. (pada ketika itu) tidak membincangkan kaedah *pari delicto* dan kekecualian-kekecualiannya dalam kes *Syarikat Bukit Tinggi* itu walhal Dato N.H. Chan H. membincangkannya dalam kes *Che Wan Development Sdn. Bhd. lwn. Co-operative Central Bank* [1990] 2 MLJ 365 (*Che Wan*) iaitu kes otoriti yang Hira Singh peguambela yang bijaksana bagi pihak defendan bergantung. Dalam kes *Che Wan* itu Dato N.H. Chan H memutuskan bahawa kekecualian yang kedua daripada tiga kekecualian yang diterima dan dirujuk dalam kes *DJE Constructions lwn. Maddocks* [1981-1982] 6 ACLR 171, 174 adalah terpakai:

> The second category comprises cases in which the contract or transaction is made illegal and void for the protection of a particular class of the community of which the plaintiff is a member; the plaintiff will be permitted to recover.

Dapat diperhatikan bahawa dalam kesemua penghakiman, baik dalam penghakiman asing mahupun dalam penghakiman tempatan termasuk penghakiman Dato Mohamed Dzaiddin H. (pada ketika itu) menerima saranan bahawa s. 133 telah dibentuk oleh badan perundangan bagi melindungi sesebuah syarikat, pemegang saham dan pemiutangnya. Dalam kes *Che Wan*, Dato N.H. Chan H. telah membenarkan syarikat tersebut melepaskan diri daripada liabiliti cagaran yang diberikan kepada pihak ketiga. Sementara Rogers CJ dalam kes *Corumo Holdings Pty. Ltd. & Ors lwn. C. Itoh Ltd. & Ors.* [1991] 3 ACSR 438 telah membuat keputusan bahawa transaksi yang dilarang itu adalah sah, lalu beliau membenarkan syarikat tersebut mendapatkan balik daripada pihak ketiga yang menjadi penggerentinya. Seperti kata Bibi Sangha:

> The rulings in both *Che Wan* and *Corumo* protected the interests of the respective companies, but in order to achieve that result, opposing interpretations of the effect of a breach of the statutory prohibition were given.

(Lihat 'Loans Prohibited under s. 133 of the Companies Act 1965' (1993) 2 CLJ xvii).

Dalam penghakimannya Dato Mohamed Dzaiddin H. (pada ketika itu) telah menyentuh ss. 65 dan 66 Akta Kontrak 1950 dengan berkata, pada halaman 593:

> The argument put forward here is that our Contracts Act 1950 makes no distinction with respect to the consequences of a voidable and void agreements. See ss. 56 and 66.

tanpa membincangkannya dengan lebih lanjut. Saya berpandangan bahawa seksyen-seksyen tersebut adalah tidak relevan oleh kerana jika sesuatu transaksi itu, sekiranya didapati menyalahi undang-undang di bawah s. 24(a) dan (b) Akta Kontrak 1950, (meminjam kata-kata Dato Peh Swee Chin HMA) ianya akan menjadikan dokumen-dokumen tersebut tercacat disebabkan menyalahi undang-undang dan tak boleh dikuatkuasakan. (Lihat kes *Lim Kar Bee lwn. Duofortis Properties (M) Sdn. Bhd.* [1992] 2 MLJ 281. Dalam kes tersebut Mahkamah Agung memutuskan bahawa ujian yang sebenar yang patut digunakan di dalam

sebarang transaksi tertentu nampaknya ialah sama ada maksud utama transaksi itu untuk mengelak cukai; jika itulah maksudnya, ia adalah maksud yang menyalahi undang-undang, yakni bersifat sedemikian yang jika dibenarkan ia akan menggagalkan undang-undang cukai yang berkenaan dan termasuk di bawah s. 24(b) Akta Kontrak 1950.

Dalam kes *Chung Khiaw Bank Bhd. lwn Hotel Rasa Sayang Sdn. Bhd. & Anor.* [1990] 1 SCR 181 Hashim Yeop Sani HB (Malaya) berkata pada muka surat 195:

> The provision of s. 24 of our Contracts Act referred to earlier are explicit statutory injunctions. The statute provides expressly that the considerations or objects referred to in paragraphs (a), (b) and (e) of s. 24 shall be unlawful and the agreement which ensues shall be unlawful and void. Paragraph (a) deals with what is forbidden or prohibited by law: paragraph (b) deals with what could defeat the object of any law; and paragraph (e) deals with public policy.
>
> Section 3 of the Civil Law Act 1956, directs the Courts to apply the common law of England only in so far as the circumstances permit and save where no provision has been made statute law. The development of the common law after 7 April 1956 (for the States of Malaya) is entirely in the hands of the Courts of this country. We cannot just accept the development of the common law in England: see also one of the majority judgments in *Government of Malaysia lwn. Lim Kit Siang* [1988] 1 SCR 1.
>
> The provision of s. 24 of our Contracts Act is a statutory direction. It may well have originated from some old common law principle but that principle has now been converted into a statutory provision.

Dalam mentafsirkan s. 67 Akta Syarikat pula Y.A.A. Hakim Besar Malaya itu mencapai keputusan yang serupa seperti keputusan dalam kes *Che Wan* di mana Y.A.A itu pada muka surat 196 berkata:

> Firstly we have to look at the object of s. 67 of the Companies Act. The primary object is clearly to protect the company and no others. Section 67 of the Companies Act is designed to prevent the assets of a company from being misused. See *Wallersteiner lwn. Moir* [1974] 3 All ER 238 where Lord Denning MR at p. 238 said that s. 54(1) of the Companies Act 1948 was enacted to deal with a mischief which was described by Lord Greene MR in *Re VGM Holdings Ltd.* [1942] 1 All ER 225 at p. 225:
>
> Those whose memories enable them to recall what had been happening for several years after the last war will remember that a very common form of transaction in connection with companies was one by which persons - call them financiers, speculators, or what you will - finding a company with a substantial cash balance or easily realisable assets, such as war loan, bought up the whole, or the greater part, of the shares of the company for cash, and so arranged matters that the purchase money which they then become bound to provide was advanced to them by the company whose shares they were acquiring, either out of its cash balance or by realisation of its liquid investments. That type of transaction was a common one, and it gave rise to great dissatisfaction and, in some cases, great scandals.
>
> Therefore the scope of s. 67(6) of the Act is confined only to the protection of the company and no one else.

Anggapannya ialah pihak-pihak mengetahui undang-undang dan mereka sedar ketaksahan sesuatu perjanjian pada masa mereka membuat perjanjian itu. Sama seperti s. 66 Akta Kontrak 1950 tidak terpakai dalam kes pinjaman kepada seseorang yang belum dewasa atau cukup umur oleh kerana beliau itu tidak mempunyai keupayaan untuk membuat perjanjian, begitu juga seksyen tersebut tidaklah boleh terpakai kepada suratcara gadaian yang tak sah yang disempurnakan oleh si defendan bertentangan dengan larangan. Mahkamah tidaklah boleh menggunakan s. 66 tersebut untuk merampas atau memulihkan faedah kerana penguatkuasaan perjanjian tak sah seperti itu bukannya kontrak, dan ia akan bermakna bahawa Mahkamah menyangka bahawa wujud perjanjian sedia ada yang boleh dikuatkuasakan yang sebenarnya tidak wujud. Faedahnya, jika ada ialah si plaintif dikatakan mendapat kepentingan dalam tanah itu. Hakikatnya dalam kes ini ialah si defendan telah dilucutkan secara menyalahi undang-undang kepentingannya dalam tanah itu yang digadaikan melalui Eksibit "BN-1". Sekiranya sekalipun seksyen tersebut terpakai, ia hanya akan membantu si defendan untuk mengembalikan kepentingannya.

Dalam kes *Che Wan* Mahkamah telah memutuskan bahawa sipenggadai berhak di kembalikan dan telah dikembalikan dengan

surat hakmilik tanpa bebanan, yang berada di dalam tangan pemberi pinjaman pemegang gadaian.

T. Gunaseelan peguambela yang bijaksana yang mewakili si plaintif telah bergantung pada kes *Syarikat Bukit Tinggi* untuk menyokong penghujahannya di mana dalam kes *Syarikat Bukit Tinggi*, Dato Mohamed Dzaiddin H. (pada ketika itu) telah memutuskan bahawa defendan kedua sehingga defendan kesembilan-belas telah gagal dalam permohonannya untuk meng-isytiharkan gadaian itu tak sah dan tak boleh dikuatkuasakan dan beliau telah memutuskan bahawa mereka itu telah gagal menunjukkan wujudnya sebab-sebab sebaliknya di bawah s. 256(3) KTN.

Dato Mohamed Dzaiddin H. (pada ketika itu) dalam penghakimannya sambil mengakui bahawa tujuan utama s. 133 Akta Syarikat 1965 adalah untuk melindungi syarikat itu daripada hartanya dihabiskan melalui penyalahgunaan serta melindungi kepentingan pemegang saham dan pemiutangnya telah berpandangan bahawa keputusan dalam kes *Che Wan* hendaklah dianggap *per incuriam* kerana antara lain kesan s. 133(5) "was not argued nor was it brought to the attention of the learned Judge". Dengan rasa hormatnya ini tidaklah benar oleh sebab isu tersebut telah disentuh dengan panjang lebar oleh Dato N.H. Chan H. dalam alasan penghakimannya. Dato N.H. Chan setelah membincangkan kedudukan di Australia pada halaman 368 hingga 369 dalam penghakimannya telah menyimpulkan kedudukan subseksyen (5) begini:

> it can be seen at once that ss. 67(6) and 133(5) are similar in terms to s. 230(7) of the Australian Companies Code 1981. What is said in Ford, **Company Law** (4th Edn., 1986) at p.405 (which I have referred to earlier in reference to s. 230(7) of the Australian Companies Act 1981) should be equally applicable to s. 133(5) of our Companies Act 1965. As pointed out in Ford, the subsection only applies to the company's right to take action against an errant director without being met by the defence that the transaction is prohibited by statute and is illegal and therefore void. It does not affect any defence of illegality available to the company if it were sued on a transaction entered into in breach of it, thus making the transaction unenforceable against the company.
>
> The subsection does not apply if the company were to sue to recover what it had given as guarantee or security to the person who had made a loan to a director of the company so that it would not preclude the defence that because the transaction is tainted with illegality the courts should not assist the company.

Adalah menjadi alasan bersama bagi kedua-dua pihak dalam kes ini bahawa terdapat perlanggaran s. 133 Akta Syarikat dan oleh itu Mahkamah hanya memberi tumpuan kepada akibat perlanggaran tersebut berkaitan dengan gadaian-gadaian berikut:

(i) Presentation No. 8279-83 Jilid 435 Folio 27 ke atas tanah yang dipegang di bawah Grant No. 16397 Lot No. 12590 Bandar Seremban, Negeri Sembilan dan
(ii) Presentation No. 1447/83 Jilid 73 Folio 66 for EMR 655 Lot No. 1519 Mukim Ampangan, District of Seremban.

Dato N.H. Chan H. dalam kes *Che Wan* telah mempertimbangkan beberapa autoriti Inggeris dan Australia dan pada akhirnya memutuskan bahawa polisi yang mendasari peruntukan-peruntukan yang relevan dalam perundangan di dalam kesemua ketiga-tiga bidang kuasa tersebut (termasuk Malaysia) adalah untuk melindungi sesebuah syarikat iaitu pemegang syernya daripada hartanya dihabiskan melalui penyalahgunaan yang dilakukan oleh pengarah-pengarahnya. Ekoran daripada itu sesuatu jaminan atau cagaran yang diberikan oleh sesebuah syarikat bagi pinjaman yang diberikan kepada pengarahnya adalah tak sah sekiranya pemberian jaminan atau cagaran itu menyalahi undang-undang. Dato N.H. Chan H. seterusnya berkata:

> If a guarantee or security given by the company in contravention of the prohibition is void and therefore unenforceable, then the company's assets would not be depleted. However, if a company makes a loan to its director in contravention of the prohibition, can the director say that he is under no obligation to repay because the transaction is prohibited by statute and for that reason is illegal and therefore void? If the director was allowed to succeed, he would not have to repay the loan and the company's assets would have been depleted. Plainly, such a result would not have protected the company's funds from being misused, a result which is against the real purpose of the section.

Seterusnya Dato N.H. Chan H. berkata lagi:

> Section 133 prohibits a company from the making of loans to its directors as well as the

entry into any guarantee or the provision of any security in connection with a loan to a director of the company by another person. And s. 67 prohibits a company from giving financial assistance to its directors (or, where it is a subsidiary, to a director of its holding company) for the purchase of its shares.

Any agreement made in breach of any of the prohibitions in s. 67 or s. 133 of the Act is illegal, so as to expose the company's officers to penalties. Although s. 67 and s. 133 do not expressly say that the prohibited transactions are void, this necessarily follows from the fact that the prohibited transactions are made illegal by the Act by subjecting the officers of the company to penalties: *Heald v. O'Connor; Dressy Frocks v. Bock* at p. 393 decided under the Australian Uniform Companies Act 1961, s. 67; see also Ford, **Company Law** (2nd Edn., 1978), at p. 180. In *Heald v. O'Conner*, Fisher J. has held that the debenture in that case was prohibited by the statute and for that reason was illegal and therefore void. It follows, therefore, that any transaction which has contravened any of the prohibitions in s. 67 or s. 133 of the Act is illegal and therefore void.

In the result, I find that the third party charge which was created by the plaintiff company in favour of the defendant co-operative society to secure an illegal loan made by the co-operative society to a director of the plaintiff company was illegal and therefore void and unenforceable by the co-operative society as it had contravened the prohibition in s. 133 of the Companies Act 1965 on this type of transaction.

I therefore grant the declaration that was sought.

Dalam kes *R & I Securities Sdn. Bhd. lwn. Syarikat Tanaman Perusahaan Perak Sdn. Bhd.* [1993] 1 CLJ 337, Mahkamah telah memutuskan bahawa transaksi gadaian tersebut adalah tak sah dan tuntutan di situ tak boleh dikuatkuasakan disebabkan berlanggaran dengan ss. 131, 132 dan 133 Akta Syarikat 1965 dan pihak plaintif sudah semestinya sedar mengenainya. L.C. Vohrah H. meluluskan dan menuruti kes *Che Wan* dengan berkata pada muka surat 343:

... and consequently I found myself agreeing with the submission of the defendant that the plaintiff was aware of the breach of duty on the part of Dawe, and PW3 contrary to ss. 131, 132 and particularly s. 133 of the Companies Act 1965 thus rendering the charge transaction illegal and void and the claim unenforceable: (see *Che Wan Development Sdn. Bhd. v. Co-operative Central Bank Bhd.* [1990] 2 MLJ 365 pada halaman 369-370.

Begitu juga dalam kes Mahkamah Agung *Chung Khiaw Bank Ltd. lwn. Hotel Rasa Sayang Sdn. Bhd. & Anor.* [1990] 1 SCR 181 Mahkamah telah memutuskan bahawa tujuan s. 67 Akta Syarikat 1985 ialah untuk menolong syarikat itu sendiri dan bukannya untuk menolong sesiapa orang lain dan sebab asas di belakang s. 67(6) Akta itu ialah untuk memelihara hak syarikat untuk mendapatkan balik apa-apa pinjaman yang diberi olehnya berlawanan dengan seksyen itu. Hashim Yeop Sani HB. (Malaya) berkata pada muka surat 193,

Thus in our view it may be stated as a general principle that a contract the making of which is prohibited by statute expressly or by implication, shall be void and unenforceable unless the statute itself saves the contract or there are contrary intentions which can reasonably be read from the language of the statute itself.

dan pada muka surat 194, Y.A.A. Hakim Besar tersebut seterusnya berkata:

The Privy Council then referred to the general rule as stated by Parke B in *Cope lwn. Rowlands* [1836] 2 M & W 149, 157:

It is perfectly settled, that where the contract which the plaintiff seeks to enforce ... is expressly or by implication forbidden by the common or statute law, no Court will lend its assistance to give it effect. It is equally clear that a contract is void if prohibited by a statute, though the statute inflicts a penalty only, because such a penalty implies prohibition.

Lord Fraser in *Menaka* concluded that their Lordships were of the opinion that the contract and security having been made in contravention of s. 8 of the Ordinance were unenforceable. The contract was also void under s. 2(g) of the Contracts (Malay States) Ordinance 1950.

Thus it is also a principle established by these authorities that where it is shown that a contract is void because it is prohibited by statute, the court as a general should not lend its assistance to enforce the contract.

Dapat diperhatikan dalam kes *Che Wan* tersebut Mahkamah telah memutuskan bahawa si penggadai adalah berhak dipulangkan dengan dokumen hakmilik keluaran yang berada di

dalam tangan pemberi pinjaman pemegang gadaian tanpa sebarang bebanan dan si penggadai berhak dipulihkan semula kepada keadaan tersebut. Saya berpendapat tafsiran itu adalah betul. Tafsiran sedemikian telah mendapat sokongan daripada kes Mahkamah Agung *Chase Manhattan Bank N.A. lwn. Mercantile Co-operative Thrift & Loan Society Ltd.* [1993] 1 SCR 210 di mana persoalannya ialah sama ada ikrar (pledge) dan tolakan (set-off) dalam kes itu sah bergantung kepada Akta Pertubuhan Koperasi 1948 dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, maka Mahkamah itu memutuskan bahawa:

> the society had no power to execute either of the documents and as such both the documents relating to the pledge and set-off were *ultra vires* and thus *void ab initio*.

Sama dengan kes di hadapan saya sekarang bahawa kesan daripada perbuatan si defendan melanggar peruntukan statutori maka beliau tiada mempunyai kuasa untuk mewujudkan gadaian itu dan oleh itu gadaian tersebut adalah dalam pengertian sedemikian *ultra vires* dan oleh itu tak sah *ab initio*.

Seksyen 13 Akta Syarikat (Pindaan) (No.2) 1992 (Akta A836) telah memberi pihak ketiga (iaitu si pemberi pinjaman) dengan suatu remedi iaitu mendapatkan semula pinjaman yang dibuat berlanggaran dengan s. 67 Akta Syarikat 1965 daripada si peminjam sendiri. Saya berpendapat dan bersetuju dengan Profesor Madya Salleh Buang bahawa:

> the decision in *Che Wan Development* remains good law unaffected by the 1992 Act as far as the company is concerned.". (Lihat Act of Parliment Series by CLBC - Act A836 muka surat 6).

Gadaian pihak ketiga yang pertama iaitu Ekshibit "BN-1" dalam afidavit Balakrishnan s/o Nalliah yang diikrarkan pada 11 Jun 1986 dan didaftarkan pada 16 September 1983 pukul 3.20 petang (lihat Presentation No. 8279/83 JiIid 435 Folio 27 terhadap tanah yang dipegang di bawah Grant No. 16397 Lot No. 12590, Bandar Seremban, Negeri Sembilan) telah disempurnakan oleh si defendan menyebelahi si plaintif bagi mendapatkan pinjaman sebanyak RM3 juta untuk Lim Kon Kwee, si peminjam dan pengarah si defendan di bawah seksyen 242 KTN di dalam Borang 16A sebagai suratcara utama. Pada muka surat yang kedua dari belakang dalam Tambahan (Annexture) menunjukkan suratcara-suratcara subsidiari yang pertama, kedua dan ketiga. Kesemua suratcara tersebut digunakan untuk mendapatkan transaksi yang serupa. Seksyen 241(3) (a) KTN menyebut, kuasa-kuasa tersebut (mencagar) hendaklah dilaksanakan dalam apa-apa kes tertentu tertakluk kepada apa-apa larangan atau batasan yang dikenakan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang pada masa itu berkuatkuasa. Seksyen 133 Akta Syarikat 1965 adalah seumpama, satu mana-mana undang-undang bertulis lain yang melarang transaksi seperti itu. Si defendan tidak mempunyai kuasa dan sifat untuk mengwujudkan gadaian yang dilarang yang tersebut dahulu. Oleh kerana itu Ekshibit "BN-1" adalah suratcara yang tak sah iaitu tak sah *ab initio* dan kerana itu kepentingan si plaintif "janganlah hendaknya menjadi tak boleh disangkal".

Peraturan 9B(6) Peraturan-Peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) (Pindaan) 1991 berbunyi:

> Apa-apa jua yang dilakukan oleh atau bagi pihak Bank Negara, atau oleh seorang pengurus menurut atau yang berupa menurut-
>
> (a) peraturan ini;
> (b) seksyen 31B Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; (c) mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 318 tersebut; atau
> (d) mana-mana perintah Mahkamah Tinggi yang dibuat atas permohonan Bank Negara, adalah menurut undang-undang dan sah,
>
> walaupun apa-apa jua yang dilakukan atau apa-apa jua yang telah dilakukan sebelumnya oleh atau bagi pihak pengambil deposit berhubungan dengannya, adalah berlawanan atau tak konsisten dengan mana-mana undang-undang yang terpakai kepadanya, termasuk, khususnya, peruntukan-peruntukan:
>
> (i) Akta Koperasi 1948 atau Ordinan Koperasi Sabah 1958 atau Ordinan Koperasi Sarawak;
> (ii) Akta Kontrak 1950;
> (iii) Akta Undang-Undang Sivil 1956;
> (iv) Akta Syarikat 1965;
> (v) Apa-apa peruntukan, selain daripada seksyen 31B, Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; atau
> (vi) Apa-apa peruntukan, prosedur mana-mana undang-undang bertulis;

Dapat diperhatikan bahawa Ekshibit "BN-1" telah didaftarkan pada 16 September 1983, sedangkan Peraturan baru 9B Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1979 cuma mengisytiharkan bahawa peraturan baru 9B itu hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ibu iaitu pada 23 Julai 1986. Kerana itu kes *Wong Pot Heng lwn Kerajaan Malaysia* [1992] 2 MLJ 885 tidak relevan dalam kes ini oleh sebab Peraturan baru 9B tersebut tidak menjejas ketaksahan Ekshibit "BN-1" sebab ianya disempurnakan sebelum 23 Julai 1986.

Kerananya saya berpendapat bahawa s. 133 Akta Syarikat 1965 bukan sahaja untuk melindungi pemiutang dan pemegang saham sesebuah syarikat akan tetapi ia juga untuk melindungi syarikat itu daripada hartanya dihabiskan melalui penyalahgunaan. Jadinya kesan perlanggaran s. 133 tersebut menjadikan transaksi gadaian itu menyalahi undang-undang (illegal) dan oleh itu gadaian itu tak sah *(void) ab initio,* tak boleh dikuatkuasakan kerana dilarang olehnya. Kerananya si defendan telah berjaya menunjukkan wujudnya sebab-sebab sebaliknya di bawah s. 256(3) KTN. Saya memutuskan bahawa kedua-dua suratcara gadaian yang disempurnakan pada 17 Ogos 1983 ke atas tanah-tanah yang dipegang di bawah hakmilik-hakmilik berikut:

(a) Grant No. 16397 Lot No. 12590, Bandar Seremban, Negeri Sembilan yang telah dipecah bahagi kepada 17 hakmilik berasingan pada 21 November 1985, iaitu-

(1) H.S.(D) 44859 , Lot 16231 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(2) H.S.(D) 44860 Lot 16232 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(3) H.S.(D) 44861 Lot 16233 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(4) H.S.(D) 44862 Lot 16234 Daerah Seremban Negeri Sembilan;
(5) H. S. (D) 44863 Lot 16235 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(6) H.S. (D) 44864 Lot 16236 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(7) H.S. (D) 44865 Lot 16237 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(8) H.S. (D) 44866 Lot 16238 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(9) H.S. (D) 44867 Lot 16239 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(10) H.S. (D) 44868 Lot 16240 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(11) H.S. (D) 44869 Lot 16241 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(12) H.S. (D) 44870 Lot 16242 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(13) H.S. (D) 44871 Lot 16243 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(14) H.S.(D) 44872 Lot 16244 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(15) H.S.(D) 44873 Lot 16245 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(16) H.S.(D) 44874 Lot 16246 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;
(17) H.S.(D) 44875 Lot 16247 Daerah Seremban, Negeri Sembilan;

(b) EMR 655 Lot No. 1519, Mukim Ampangan, District of Seremban

yang dibuat di antara plaintif sebagai pemegang gadaian dan defendan sebagai penggadai yang telah didaftarkan dengan Pejabat Pendaftar Hakmilik Seremban dengan masing-masing nombor Penyampaian Gadaian berikut:

(i) 8279-83 Jilid 435 Folio 27 bertarikh 16 September 1983, dan
(ii) 1447/83 Jilid 73 Folio 66 bertarikh 19 September 1983;

adalah tak sah dan tak boleh dikuatkuasakan.

Oleh hal yang demikian, si defendan adalah berhak dikembalikan dengan suratcara hakmilik yang berada di dalam tangan si plaintif tanpa apa-apa bebanan ke atas hakmilik tersebut disebabkan suratcara-suratcara gadaian itu tak sah dan tak boleh dikuatkuasakan.

Dengan ini diperintahkan si plaintif memulangkan kesemua dokumen hakmilik yang tersebut di atas bersama-sama dengan gadaian-gadaian pendua yang dirujuk di dalam ini kepada si defendan untuk diserahkan kepadanya untuk membatalkan gadaian. Dengan ini juga diperintahkan Pendaftar Hakmilik Seremban membatalkan pendaftaran gadaian yang disebut di dalam ini dan setelah dibatalkan pendaftaran gadaian itu maka hendaklah diserahkan kesemua dokumen hakmilik keluaran itu kepada peguamcara si defendan.

Akhirnya di perintahkan bahawa kos permohonan ini ditaksirkan dan dibayar oleh Penerima-Penerima kepada si defendan daripada aset plaintif.

WONG KIEW MEOW

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI MALAYSIA DAN SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-19-93]
7 JANUARI 1994

PROSEDUR JENAYAH: Penahanan di bawah s.6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 - Tuduhan pemohon tidak diberitahu sebab-sebab dia ditangkap dan tidak diberitahu haknya membuat representasi - Tujuan di sebalik perenggan (3) kaedah 3 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987.

Pemohon dalam kes ini telah ditangkap di bawah seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Dia telah membangkitkan beberapa isu berhubungan dengan penangkapan dan penahanannya. Dua isu telahpun dibentangkan dan diputuskan terdahulu dalam penghakiman yang lain. Isu-isu selanjutnya yang kini dibicarakan adalah bahawa:

(1) Pemohon tidak diberitahu sebab-sebab mengapa dia ditangkap. Pemohon merujuk kepada laporan polis yang dibuat oleh pegawai penangkap, terutamanya kepada ayat akhir iaitu "Orang itu kemudiannya telah saya beritahu dalam bahasa Malaysia yang mudah difahami". Peguam pemohon berhujah bahawa ayat ini tidak memberi gambaran jelas yang pemohon telah diberitahu kenapa dia ditangkap. Selain daripada laporan tersebut yang menimbulkan keraguan, suatu borang dimana pegawai penangkap mengesahkan orang yang ditangkap telah diberitahu sebab-sebab dia ditangkap dan mendapatkan pengesahan darinya tidak dieksibitkan.

(2) Seandainya sebab-sebab tangkapan telah diberi, sebab-sebab itu tidak memadai kerana penangkapan dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 3 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 tetapi pemakluman kepada pemohon sebab-sebab ia ditangkap adalah melalui penggunaan kata-kata yang terdapat dalam subseksyen (1) seksyen 6.

(3) Seandainya sebab-sebab yang dikatakan dalam perenggan (2) itu dianggap memadai, namun demikian, alasan-alasan ini tidak diterjemahkan kepada pemohon kerana afidavit-afidavit pegawai penangkapan dan penterjemah hanya merujuk kepada penterjemahan 'penerangan' yang dibuat oleh pegawai penangkap dan adalah tidak sama dengan **kata-kata** pegawai yang digunakan untuk menyampaikan alasan-alasan itu.

(4) Perenggan (3) Kaedah-kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987, (selepas ini dirujuk "Kaedah-kaedah itu") gagal dipatuhi iaitu pemohon tidak diperingatkan haknya untuk membuat representasi-representasi kepada Lembaga Penasihat.

Diputuskan:

[1] Walaupun adalah benar ayat dalam laporan polis itu tidak menyatakan apakah yang telah diberitahu kepada pemohon, apa yang perlu disebut dalam laporan ialah hanya sebab mengapa pemohon ditangkap yang patut diberitahu. Itu adalah apa yang ayat itu bermaksud hendak berkata sebagai perkara yang telah diberitahu kepada pemohon.

Berkenaan dengan borang pengesahan yang tidak dieksibitkan, penjelasan responden adalah bahawa ia tidak dieksibitkan setiap kali tetapi hanya apabila afidavit pihak pemohon ada menyebut borang itu atau membangkitkan sesuatu mengenainya dan Mahkamah menerima penjelasan ini.

[2] Berhubung dengan hujahan kedua pihak pemohon, apa yang pegawai penangkap telah melakukan ialah menyampaikan secara langsung kepada pemohon alasan-alasan yang dimaksudkan oleh subseksyen (1) seksyen 6. Jalan yang disarankan oleh peguam pemohon adalah jalan tidak langsung atau terus. Kesannya dari segi undang-undang adalah sama.

[3] Maksud hujahan ketiga peguam pemohon ialah penerangan lanjut yang diberi kepada pemohon adalah perkara yang telah diterjemahkan dan bukan alasan-alasan yang terdiri daripada kata-kata yang dipetik.

Sesuatu afidavit bukanlah suatu dokumen yang digubal dengan ketepatan legal seperti suratcara undang-undang dan tidak patut dibaca dan

ditafsirkan dengan sikap dan harapan bahawa bahasa yang digunakan adalah konsisten. Jika seseorang itu tidak mengetahui mengapa dia ditangkap, dan kemudiannya diberitahu sebabnya, apa yang diberitahu itu adalah 'penerangan'. Dalam afidavit-afidavit pegawai-pegawai yang berkenaan, tiada tanda bahawa pemohon tidak memahami kata-kata yang dipetik supaya huraian perlu diberi. Oleh itu, kata-kata 'terang' atau 'penerangan' disitu mestilah difahami sebagai merujuk kepada perbuatan memberitahu pemohon melalui kata-kata yang dipetik itu. Jika huraianlah yang diterjemahkan dan bukannya kata-kata formal, itu pun cukup bagi maksud Perkara 5(3) Perlembagaan.

[4] Dalam hal peringatan hak asasi, afidavit pegawai penjara tidak menjelaskan dengan tepat bilakah pada hari pemohon tiba di Pusat peringatan diberi. Pegawai penjara juga telah menggunakan loghat Mandarin dalam perkara ini tanpa memastikan terlebih dahulu samada pemohon memahami loghat tersebut. Pihak responden telah gagal menunjukkan bahawa peringatan yang dikatakan diberi telah diberi 'seberapa segara yang praktik' setelah pemohon tiba di Pusat tersebut. Soalnya dalam keadaan sedemikian adalah sama ada perenggan (3) itu adalah satu kehendak *mandatori*. Dalam menunjau tujuan disebalik perenggan (3) itu, Mahkamah berpendapat ia adalah satu kaedah yang tidak bersifat menggesa. Sebab yang mungkin bagi kaedah itu hanyalah untuk mengingatkan kalau-kalau orang itu berlengah. Tidaklah ada sebarang sebab bagi mengkhuatiri secara serius bahawa seseorang tahanan itu akan terlupa akan haknya untuk membuat representasi. Ketidakpatuhan kepada sesuatu kaedah seperti perenggan (3) tidak mungkin membawa apa-apa akibat di sisi undang-undang.

[Permohonan ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:

Puvaneswaran lwn. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor. [1991] 2 CLJ 1199/[1991] 3 MLJ 28 ***(dirujuk)***

Aw Ngoh Leang lwn. Inspector General of Police & 2 Ors. [1993] 1 CLJ 373/[1993] 1 AMR 6 207 ***(dirujuk)***

Punjab Co-operative Bank Ltd., Amritsar lwn. CIT Lahore, AIR 1940PC 230 ***(dirujuk)***

Pratap Singh lwn. Sri Krishnan, AIR 1956 SC 140 ***(dirujuk)***

Akta Perundangan yang dirujuk:

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, ss. 3(1), 6(1), 9(2)(a)

Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987, Kaedah 3(1)(b), (3)

Perlembagaan Persekutuan, Perkara 5(3)

Bagi pihak pemohon - C.G.Oh; T/n Shafee & Co.
Bagi pihak responden - Noorbahri bin Baharuddin, PKP

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:

Pada 26 November saya sudahpun menyampaikan pengakiman saya tentang dua alasan yang peguam bijaksana bagi pemohon meminta saya memutuskan dahulu. Sekarang saya sampaikan penghakiman saya tentang alasan-alasan lain yang dihujahkan selepas itu.

Kegagalan mematuhi Perkara 5(3) Perlembagaan

Isteri pemohon, dalam afidavitnya yang menyokong permohonan pemohon, menegaskan bahawa pemohon memberitahunya dia tidak diberitahu sebab-sebab mengapa dia ditangkap.

Pegawai yang menangkap pemohon, dalam afidavitnya, berkata begini:

> Sebaik sahaja menangkap pemohon, saya telah memberitahu pemohon secara lisan dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami sebab-sebab pemohon ditangkap seperti berikut:
>
> Bahawa kamu ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 kerana kamu telah terlibat dalam aktiviti berhubungan dengan penglibatan pengedaran dadah berbahaya dan adalah perlu bagi kepentingan awam kamu ditahan.
>
> Selepas itu [pegawai penterjemah] telah menerangkan dalam loghat Kantonis sebab-sebab pemohon ditangkap sebagaimana yang telah saya terangkan dalam Bahasa Malaysia dan pemohon telah memahami penerangan saya ...'

Pegawai penangkap itu juga berkata bahawa, setelah menangkap pemohon, dia telah membuat laporan polis. Salinan laporan polis itu ada dieksibitkan kepada afidavitnya. Laporan itu memberi butir-butir diri pemohon dan tarikh, waktu dan tempat dia ditangkap. Ia bermula dengan menyatakan sebab pemohon ditangkap sebagai:

> Berdasarkan atas sebab-sebab yang boleh dipercayai bahawa ada alasan-alasan yang